BH – 6 SYOR BANTU TANGANI MASALAH JALAN BERLUBANG LEBIH EFISIEN

26 January 2021

Kategori	:	Kejayaan Staff	Sub-Kategori	:	Sukarelawan/ Kemasyarakatan
Peringkat	:	Kebangsaan	Bahagian	:	ICAEN
Pelapor	:	Ts. Dr. Yazmin Sahol Hamid			
Tempat	:	Berita Harian			
Penganjur	:	Berita Harian			
Penglibatan/Kerjasama	:	Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) Prof. Ir. Dr. Ahmad Kamil Arshad, Dr. Ismacahyadi Bagus Mohamed Jais Staf – 2 orang			
Keterangan Program	:	Cadangan penambahbaikan bagi mengatasi masalah daripada pengarang.			
Pencapaian	:	-			

Berita Harian, Malaysia

Page 1

6 syor bantu tangani masalah jalan berlubang lebih efisien

Banyak laporan jalan berlubang daripada pengguna jalan raya direkodkan pihak berwajib, namun tindakan dilakukan mengambil masa lama disebabkan kekangan perundukan dituduk pihak berwajib.

Ia menceruskan tanda tanya dalam masyarakat. Apakah agensi terbabit tidak menjalankan tanggungjawab sebagai badan mengendalikan aset jalan raya di seluruh negara? Apakah langkah perlu diambil untuk menyelesaikan masalah berkenaan?

Jalan berlubang boleh diklasifikasikan sebagai kerosakan jalan terjadi apabila sebahagian bahan turapan pecah atau tertanggal dan membentuk lubang di permukaan jalan.

Terdapat pelbagai faktor menyebabkan jalan berlubang, termasuk penggunaan campuran premix asfalt tidak mengikut spesifikasi seperti kurang kandungan bitumen, kawalan kualiti kurang sempurna ketika proses turapan seperti suhu rendah dan proses pemadatan tidak mengikuti spesifikasi.

Selain itu, sistem saliran longkang tepi jalan tidak dapat menampung kapasiti air dan bertukung menyebabkan struktur pavemen menjadi lemah, terutama ketika musim hujan.

Prof Ir Dr Ahmad Kamil Arshad

Dr Ismacahyadi Bagus Mohamed Jais

Bagi mengenal pasti masalah ini lebih baik, kita perlu mengetahui badan atau agensi utama bertanggungjawab mengendalikan rangkaian lebuh raya dan jalan di seluruh negara.

Rangkaian jalan dikendalikan pelbagai agensi daripada kerajaan, badan berkanun dan swasta. Lebuh raya dikendalikan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), manakala setiap konsesi berhanggi mengawal selia operasi rangkaian lebuh raya milik masing-masing.

Rangkaian jalan persekutuan menghubungkan negeri dikendalikan Jabatan Kerja Raya (JKR), sedangkan jalan menghubungkan antara daerah diselia JKR negeri. Jalan dalam sesuatu daerah pula dikendalikan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Oleh itu, laporan masalah jalan dan tindakan perlu diambil perlu disampaikan kepada pihak bertanggungjawab mengendalikan lebuh raya atau jalan berkenaan.

Apakah agensi dipertanggungjawabkan lambat mengambil tindakan menampal jalan berlubang? Agensi kerajaan berkenaan dan PBT mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah jalan berlubang.

Sebagai contoh, setiap tahun penarafan dibuat bagi melihat prestasi dan keadaan terkini permukaan jalan, dengan mengambil kira kekuatan struktur jalan, pengukuran ketebalan jalan, kepadatan tanah dasar dan juga rangkaian aliran air disediakan di bahu jalan.

Ini adalah untuk memastikan kudasan jalan baik supaya dapat beroperasi dengan sempurna. Agensi terbabit juga memeriksa segala laporan direkodkan dan turun padang untuk memberikan perkhidmatan baik bagi menyelenggara jalan rosak dan berlubang demi keselamatan dan keselesaan pengguna.

Agensi kerajaan menjalankan tanggungjawab menampal jalan berlubang dengan mengambil kira kos penyelenggaraan dan pembinaan jalan serta laporan pengguna jalan raya setiap tahun.

Ia tertakluk kepada peruntukan dipersetujui kerajaan bagi membiayai kos pembaikan rangkaian jalan sedia ada.

Bagi penyelenggaraan lebuh raya utama, masalah ini tidak berlaku kerana peruntukan penyelenggaraan jalan sentiasa mencukupi kerana bergantung hasil kutipan tol.

Namun, penyelenggaraan menyeluruh jalan persekutuan dan negeri di bawah tanggungjawab JKR serta jalan di bawah PBT tidak dapat dilakukan segera dan sempurna bagi mengawal sepenuhnya keadaan jalan berlubang kerana kekangan kewangan dan peruntukan terhad.

Pelbagai inisiatif dirancang agensi bertanggungjawab seperti penyelenggaraan sementara jalan berlubang dilakukan dengan menampal bahan campuran asfalt sejuk ke dalam lubang jalan.

> ***Masalah jalan berlubang menjadi lebih kerap kebelakangan ini dengan bertambahnya operasi bilangan kenderaan berat melampaui had beban dan tidak dikawal pihak berwajib.***

Ini dapat dilakukan segera bagi mengelakkan lubang menjadi bertambah besar dan membahayakan pengguna jalan. Bagi penampalan jalan kekal, penggunaan asfalt campuran panas diperlukan supaya ia lebih tegar dan kuat serta kekal lama.

Masalah jalan berlubang menjadi lebih kerap kebelakangan ini dengan bertambahnya operasi bilangan kenderaan berat melampaui had beban dan tidak dikawal pihak berwajib.

Ini menjadikan penyelenggaraan dan pembaikan jalan berlubang menjadi lebih sukar di atas kerakusan penggunaan sendiri yang tidak mematuhi had beban jalan ditetapkan bagi rangkaian jalan sedia ada.

Ekoran itu, dengan penambahan tuaran hujan dan perubahan cuaca mengerunkan lagi keadaan jalan hingga menjadi lebih banyak berlubang serta rusak.

Apakah langkah dapat diambil agensi kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab bagi mengatasi masalah kelembotan penampalan jalan berlubang ini?

Di sini diradangkan beberapa pencambahbaikan boleh diambil bagi mengatasi masalah ini.

Pertama, talian hotline umum perlu diadakan bagi menyalurkan maklumat kepada agensi berkenaan apabila menerima laporan kerosakan jalan dari orang ramai.

Sebagai permulaan, disyorkan hotline JKR sedia ada dijadikan sebagai hotline inter-agensi bagi menyalurkan maklumat jalan berlubang kepada agensi berkenaan bagi pembaikan jalan berkenaan.

Kempen kepada orang ramai perlu dibuat bagi menyalurkan maklumat jalan berlubang kepada hotline bagi mempercepatkan tindakan agensi bertanggungjawab bagi menampal jalan berlubang.

Kedua, pembuhan pasukan cepat bertindak yang dapat segera menampal jalan apabila menerima laporan kerosakan jalan berlubang.

Ketiga, prosedur operasi standard (SOP) perlu diadakan dan disebarkan untuk dijadikan panduan mereka terbabit dalam kerja menampal lubang di jalan raya.

Keempat, pemantauan berterusan penampalan jalan oleh syarikat utiliti mengorek lubang bagi penaraan paip air pembentungan, kabel elektrik dan utiliti lain.

Tindakan sewajarnya harus diambil bagi memastikan penampalan jalan akibat pengorekan jalan syarikat utiliti dibuat dengan telifi dan mengikut spesifikasi ditetapkan.

Kelima, pemantauan dan penguatkuasaan kenderaan berat melampaui had beban bagi mengelakkan kerosakan jalan berterusan.

Keenam, kursus bagi kerja tampalan untuk pihak berkaitan terutama PBT perlu diadakan entiti berkemahiran seperti JKR.

Masalah jalan berlubang akan terus berlaku jika sikap kita sebagai pengguna jalan raya tidak bertanggungjawab dan seterusnya mengambil kesempatan di atas masalah dihadapi agensi bertanggungjawab.

Seharusnya, masyarakat sebagai pengguna, pelu dengan kudasan sebelilang dan melaporkan dengan segera kepada agensi berkaitan mana-mana jalan berlubang, manakala agensi bertanggungjawab juga harus berusaha bersungguh-sungguh dan segera mengambil tindakan mengatasi masalah ini.

Ahmad Kamil adalah *Timbalan Pengarah Institut Kejuruteraan Infrastruktur dan Pengurusan Mampan (IESIM), manakala* ***Ismacahyadi Bagus adalah*** *Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA (UiTM)*

Kerosakan jalan perlu diperbaiki *segera bagi mengelakkan kemalangan.* (Foto Hiasan)